

14 JUN 2000

SUKMA FAIL NOTIS RAYUAN MENGENAI KETERANGAN PM

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Ahli perniagaan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai saksi dalam perbicaraan liwat terhadapnya.

Sukma yang sedang dibicarakan bersama-sama abang angkatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim, memfailkan notis rayuan hari ini di pejabat pendaftar Mahkamah Rayuan melalui peguamnya, Gobind Singh Deo.

Anwar, bekas timbalan perdana menteri, juga memfailkan notis yang serupa pada 6 Jun melalui seorang peguamnya Sankaran Nair.

Sukma dan Anwar telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi pembelaan atas sifat peribadinya tetapi ditolak oleh hakim Datuk Arifin Jaka.

Pada 5 Jun, Mahkamah Rayuan menolak rayuan mereka selepas membenarkan bantahan awal yang dibangkitkan oleh Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan, atas alasan bahawa oleh kerana keputusan itu adalah muktamad, ia tidak boleh dirayu.

Presiden Mahkamah Rayuan, Tan Sri Lamin Yunus, yang mendengar kes itu bersama-sama hakim-hakim Mahkamah Rayuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim dan Denis Ong, juga memutuskan supaya perbicaraan kes liwat itu diteruskan tanpa penangguhan selanjutnya.

Anwar, 52, dan Sukma, 39, didakwa secara berasingan meliwat bekas pemandu keluarga Anwar, Azizan Abu Bakar di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada satu malam pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma juga menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar yang juga bekas menteri kewangan, untuk meliwat Azizan, 39, pada masa dan di tempat yang sama.

-- BERNAMA

SBB LAT NMO